



JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA,
JALAN DATO' ONN
KUALA LUMPUR.

Telefon: 203722
Kawat: PERDANA

Ruj. Kami: PM 14742/2 Jld.II

Tarikh: 28hb April 1981.

SURAT PEKELILING AM BIL. 3 TAHUN 1981

Ketua-Ketua Setiausaha, Kementerian-Kementerian Persekutuan,
Ketua-Ketua Pengarah, Jabatan-Jabatan Persekutuan,
Ketua Pengarah/Pengurus Besar Badan-badan Berkanun,
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.

SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL

Sebagaimana Y.B. Tan Sri/Dato'/Tuan sedia maklum, Skim Amanah Saham Nasional telah dilancarkan dengan resminya oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 20hb April 1981. Pelaburan boleh dibuat di mana-mana agen Amanah Saham Nasional iaitu Pejabat-pejabat Pos dan cawangan-cawangan Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Malayan Banking, Bank Pertanian dan United Asian Bank.

2. Kerajaan akan melaksanakan satu skim potongan gaji bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang memilih untuk melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional ini melalui kemudahan tersebut. Adalah dijangka bahawa potongan gaji bagi tujuan ini akan dapat dimulakan pada bulan September 1981. Walau bagaimanapun, sebelum pemotongan gaji boleh dibuat, setiap pelabur adalah dikehendaki terlebih dahulu mendaftar dan membuat sekurang-kurangnya pelaburan pokok di mana-mana agen Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang sedia ada.

3. Dalam kaitan ini, Y.B. Tan Sri/Dato'/Tuan adalah diminta untuk menggalakkan pegawai-pegawai dan kakitangan Bumiputera yang layak di Jabatan-jabatan Y.B. Tan Sri/Dato'/Tuan untuk menyertai dan melabur dalam Skim ini. Penyertaan mereka adalah sangat penting untuk menjayakan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

(TAN SRI HASHIM BIN AMAN)
Ketua Setiausaha Negara.